

Aktivis pelajar berdepan pendengaran tatatertib
MalaysiaKini.com
Disember 23,2011

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) telah menyerahkan notis kepada aktivis pelajar Adam Adli Abdul Halim supaya menghadiri sesi pendengaran tatatertib pada 9 Januari berhubung insiden menurunkan bendera Datuk Seri Najib Tun Razak di PWTC baru-baru ini.

Peguamnya, Fadiah Nadwa Fikri mendedahkan perkara itu dalam tweet hari ini.

NONENotis itu diserahkan tidak lama selepas Suaram hari ini menggesa semua universiti dan kolej berhenti mengambil tindakan terhadap pelajar yang menyertai protes menuntut kebebasan berhimpun Sabtu lepas.

NGO itu juga mengesakan gangguan dan ugutan yang berterusan yang didakwa terhadap Adam (kiri) dan keluarganya.

Dalam satu kenyataan, Suaram turut menggesa pihak polis menjamin keselamatan pelajar tersebut dan keluarganya.

Adam, pelajar UPSI, dilanda kontroversi selepas bertindak menurunkan bendera Najib di ibu pejabat Umno di PWTC Sabtu lalu.

Copyright © 1999-2011 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
<http://www.malaysiakini.com/news/184882>